

IMPLIKATUR DALAM KES “PEMBUNUHAN NORITTA”: ANALISIS TEORI RELEVANS

Amirah Ahmad
ami3za@yahoo.com

Jabatan Pengajian Melayu
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstrak

Semantik ialah kajian mengenai makna. Pragmatik merupakan ilmu pelengkap semantik kerana pragmatik merupakan ilmu yang mentafsirkan makna melangkaui makna harfiah. Pragmatik sangat mementingkan konteks dan berguna dalam menginterpretasikan ujaran. Teori Relevans yang menggabungkan komunikasi dan kognisi sesuai digunakan dalam memahami prosiding dan perbicaraan mahkamah terutama jika melibatkan ujaran implikatur. Meskipun mahkamah menetapkan hanya kebenaran dan makna yang jelas sahaja yang boleh diguna pakai bagi mengelakkan keraguan, namun wujud juga ujaran implisit yang perlu dicungkil daripada sesi soal jawab tersebut. Makalah ini membincangkan kes perbicaraan Hanif Basri yang dituduh membunuh Noritta. Ternyata peguam defendan berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes ini sehingga tertuduh (Hanif) terlepas daripada hukuman mati. Teori Relevans diaplikasikan dalam kajian ini dan membuktikan bahawa ujaran yang bermanifestasi

sangat penting bagi mengelakkan sebarang keraguan yang boleh memberikan kesan pada kes perbicaraan sepenuhnya.

Kata kunci: implikatur, perbicaraan, harfiah, keraguan, manifestasi

Abstract

Semantics is the study of meaning. Pragmatics is a complement to semantics as it interprets meaning beyond the literal. In pragmatics, context is vital and plays an important role in the interpretation of meaning. Relevance theory, which intergrates communication and cognition, is suitable in understanding courtroom proceedings and trials, especially when implicatures are involved. Even though in court only explicit and clear questions and answers are permitted to avoid misinterpretation, nevertheless implicatures still exist and need further interpretation. This article focuses of the trial of Haniff Basri who was accused of killing Noritta. The acused's lawyers successfully raised doubts and the accused (Hanif) thus escaped the death penalty. Relevance theory is applied in this study and proves that the manifested utterances are extremely important in order to avoid doubts that may affect the entire trial.

Keywords: implicatures, trial, literal, doubts, manifestation

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan alat komunikasi yang paling utama dalam menghubungkan manusia sejagat. Penggunaannya meliputi semua perkara dalam kehidupan harian, seperti urusan jual beli, sesi temu duga, dan sesi pengajaran dan pembelajaran, termasuklah sewaktu perbicaraan kes di mahkamah. Perbicaraan kes di mahkamah mempunyai laras bahasanya yang tersendiri. Kerelevanan sesuatu ujaran bergantung pada keupayaan saksi atau tertuduh dalam merancang komunikasi sewaktu disoal siasat.

Lazimnya, perbicaraan kes di mahkamah mementingkan logik dan kerelevanan hujah yang disampaikan dan tidak terhad kepada kebenaran mutlak semata-mata. Kebolehan peguam bela memanipulasi situasi dan medium komunikasi yang mampu menimbulkan keraguan menerusi hujah saksi mewujudkan peluang untuk memenangi kes yang dibicarakan.

Kajian ini memperlihatkan tertuduh yang disabitkan kesalahan dibebaskan daripada dijatuhkan hukuman apabila beberapa dialog perbicaraan kes mahkamah menunjukkan keraguan.

Oleh hal yang demikian, kajian ini merungkai keraguan yang terkandung dalam dialog perbicaraan mahkamah bagi kes pembunuhan Noritta dari sudut pandangan semantik dan pragmatik. Penerapan kerangka teoretis Teori Relevans untuk penganalisan data merupakan kaedah yang bersesuaian dan berpadu dalam meneroka kerelevanan sesuatu ujaran itu khususnya bagi ungkapan implikatur.

SINOPSIS DAN KRONOLOGI KES PEMBUNUHAN NORITTA

Kes pembunuhan eksekutif pembangunan dan perniagaan, Noritta Samsudin, 22, menarik perhatian masyarakat sehingga menimbulkan pelbagai spekulasi sewaktu dilaporkan oleh media massa pada Disember 2003. Noritta ditemui mati dibunuh dalam keadaan yang mengaibkan di kediamannya, Kondominium Puncak Prima Galleria, Sri Hartamas, Kuala Lumpur, oleh teman serumahnya, Nor Azora. Ekoran kejadian itu, pelbagai spekulasi timbul sehingga membabitkan gaya hidupnya sebelum itu. Kisah percintaan dan punca kematian gadis itu dibongkar melalui keterangan lebih 34 orang saksi selama 28 hari perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Seorang lelaki India Muslim yang juga merupakan teman lelaki kepada Noritta didakwa sebagai pembunuh berikutan laporan yang dibuat oleh kakak sulung si mangsa. Namun begitu, selepas proses perbicaraan dan rayuan mahkamah dilakukan, tertuduh, iaitu Hanif Basree telah dibebaskan daripada hukuman.

Yang berikut merupakan kronologi kes perbicaraan pembunuhan Noritta yang dilaporkan menerusi akhbar Harian Metro, 2 Julai 2004.

5 Disember 2003

- Noritta Samsuddin, 22, ditemui mati di dalam bilik tidur rumah sewanya di Kondominium Puncak Prima Galleria, Sri Hartamas, Kuala Lumpur, kira-kira jam 4 pagi. Noritta, ditemui mati dalam keadaan berbogel di atas katil dengan tangan dan kakinya diikat, leher dijerut dan mulut disumbat dengan kain.
- Dua teman serumah Noritta, ditahan reman sehingga 9 Disember bagi membantu siasatan pembunuhan itu.

6 Disember 2003

- Jenazah Noritta dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Surau, Utan Aji, Kangar pada jam 12.15 tengah malam.

7 Disember 2003

- Ibu Noritta, Norlaila Bahari, 45, menimbang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pengurusan kondominium Puncak Prima Galleria, Sri Hartamas kerana cuai sehingga menyebabkan kematian anaknya.
- Kakak sulung kepada mangsa, Suhaily, 29, mendakwa adiknya ada memberitahu sering diganggu seorang lelaki berketurunan India Muslim. Dia memberitahu, Hanif sangat meminati adiknya dan mahu hubungan mereka diteruskan seperti biasa.
- Sepasukan lima pegawai Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur dihantar ke Kedah dan Perlis pada jam 12 tengah hari bagi menyoal siasat ahli keluarga Noritta.

8 Disember 2003

- Tahan reman terhadap dua rakan serumah Noritta disambung sehingga 11 Disember.
- Polis menumpukan siasatan terhadap hubungan mangsa dengan seorang lelaki India Muslim yang dikatakan antara suspek utama kes pembunuhan itu. Siasatan menjurus kepada surat ugutan bunuh yang dikatakan diterima mangsa.
- Polis menahan Hanif Basree Abdul Rahman, 36, yang menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields pada jam 4 petang.

9 Disember 2003

- Mahkamah Majistret Kuala Lumpur membenarkan polis menahan reman sehingga 16 Disember tiga lelaki, termasuk seorang suspek utama berkaitan siasatan kes pembunuhan Noritta. Ketiga-ketiga lelaki itu kemudian diperintahkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk diambil contoh darah, air mani dan rambut bagi tujuan ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

11 Disember 2003

- Mahkamah Majistret melanjutkan tempoh tahanan reman selama tujuh hari lagi terhadap dua rakan serumah Noritta.

12 Disember 2003

- Tiga lelaki ditahan reman 10 hari sehingga 21 Disember dan dibawa ke HKL untuk menjalani ujian DNA.

16 Disember 2003

- Mahkamah Majistret melanjutkan tempoh reman selama empat hari terhadap Hanif dan dua lagi lelaki sehingga 19 Disember.

17 Disember 2003

- Dua rakan serumah Noritta disambung reman satu hari sehingga 18 Disember.
- Reman mereka sepatutnya sudah berakhir tetapi Pendaftar Mahkamah Majistret/Sesyen, Azizah Abd. Rahman, melanjutkannya sehari lagi selepas menerima permohonan polis.
- Tiga lagi lelaki yang ditahan reman berhubung kes pembunuhan Noritta, dibebaskan dengan jaminan bon mahkamah.

18 Disember 2003

- Dua rakan serumah Noritta dibebaskan dengan jaminan bon oleh Mahkamah Majistret.

19 Disember 2003

- Dua pengawal keselamatan Kondominium Puncak Prima Galleria, Sri Hartamas, ditahan reman bagi membantu siasatan berhubung kes pembunuhan Noritta.
- Majistret Suraiya Mustafa Kamal mengeluarkan perintah reman terhadap dua lelaki tersebut yang masing-masing berusia 56 tahun dan 23 tahun. Kedua-dua lelaki itu diarahkan menjalani ujian DNA di Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk diambil sampel darah, rambut dan air mani.
- Majistret Manira Mohd. Noor membenarkan perintah tahanan reman terhadap tiga lelaki, iaitu Hanif dan dua lagi lelaki dilanjutkan selama tiga hari.

22 Disember 2003

- Hanif didakwa di Mahkamah Majistret membunuh Noritta di D-7-1, Kondominium Puncak Prima Galleria Jalan 17, Sri Hartamas di sini, antara jam 1.30 pagi hingga 4 pagi.
- Dia didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan. Majistret Rosli Ahmad membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Stanley Augustine untuk memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi.
- Polis menyifatkan siasatan terhadap kes pembunuhan Noritta selesai sepenuhnya selepas siasatan menyeluruh dilakukan semenjak 5 Disember.

26 Disember 2003

- Hanif tidak mengaku bersalah di Mahkamah Tinggi, di sini, atas tuduhan membunuh Noritta, di Kondominium Puncak Prima Galleria, Sri Hartamas, 5 Disember.

5 Mei 2004

- Perbicaraan kes pembunuhan Noritta bermula di Mahkamah Tinggi.

1 Julai 2004

- Hanif dilepaskan dan dibebaskan atas tuduhan membunuh Noritta di Kondominium Puncak Prima Galleria, Sri Hartamas, 5 Disember 2003.

Senarai pendakwa raya dan peguam bela yang terlibat dalam kes ini.

Stanley Augustin
Roszianawaty Ahmad

} Timbalan Pendakwa Raya

Nahra Dollah
V. Sithambaram
Mohd. Haziq Pillay
Robert Devan
N Rajivan

} Peguam Bela

TEORI RELEVANS

Sesuatu kajian linguistik dianggap sebagai saintifik jika mampu memenuhi tiga ciri, iaitu kepadaan memerhati, menghurai dan menjelaskan fenomena berdasarkan teori yang sesuai. Perkara ini jelas sekali dalam memahami ujaran dan maksud sebenar apa-apa yang hendak disampaikan. Menurut Verschueren (1999), setiap apa-apa yang eksplisit lazimnya akan mengandungi maksud implisit. Kenyataan

yang eksplisit biasanya mempamerkan makna praandaian. Daripada eksplisit akan berlaku proses inferensi dan akhirnya tercungkillah maklumat implisit. Ujaran verbal mengandungi maklumat tidak terucap yang dinamakan sebagai maklumat asas dan bersifat eksplisit. Kadang-kadang dinamakan pengetahuan bersama-sama atau asas bersama-sama. Di sebalik ujaran eksplisit, munculnya makna implisit yang dapat juga dinamakan implikatur. Semua ujaran perlu ada maklumat asas ini untuk mencungkil maklumat implikatur yang tidak dilahirkan dengan nyata.

Pandangan Veschuren sangat sesuai dengan gagasan teori Relevans. Teori ini yang mengaitkan komunikasi dan kognisi mampu membantu kita memahami ujaran yang dihasilkan dengan sistematik dan saintifik. Teori ini akan membantu kita memahami ujaran melalui proses yang telah ditetapkan dengan menggunakan konsep, seperti konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat.

Teori ini menuntut tanggungjawab yang amat berat pada pihak penutur kerana teori ini berpendapat bahawa penuturlah punca penyebaran maklumat. Lontaran ujaran daripada penutur secara tidak langsung menuntut perhatian daripada pendengar. Pendengar hanya akan memberikan perhatian terhadap apa-apa yang diujarkan jika ujaran tersebut berbaloi dengan usaha yang diberikan. Jelas ditunjukkan di sini bahawa jika penutur ingin ujarannya mendapat respons yang baik daripada pendengar dan seterusnya menjadi relevan, maka penutur haruslah memastikan ujarannya memenuhi tuntutan itu. Hal ini selari dengan prinsip relevan yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1995).

Prinsip Utama Teori Relevans

Andaian Asas: Kognisi manusia berorientasikan relevan. Pendengar selalunya menumpukan perhatian pada maklumat yang relevan dengan dirinya.

Kesannya: Dengan meminta perhatian, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan. Interpretasi terbaik ialah interpretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini.

Satu kelebihan teori ini berbanding dengan teori pragmatik lain ialah keupayaan penciptanya menyelesaikan masalah bahasa figuratif. Kegagalan Grice (1967) dalam Nor Hashimah (2003) melalui maksimnya menjelaskan masalah bahasa figuratif, seperti metafora, hiperbola, dan ironi telah diatasi oleh Sperber dan Wilson (1995). Satu lagi aspek lisan

yang menarik yang boleh dikaji ialah eksplikatur dan implikatur. Aspek lisan inilah yang menjadi fokus dalam makalah ini. Ujaran yang berbentuk eksplikatur sangat mudah dikesan, bersifat harfiah dan tidak mengandungi maksud yang tersirat yang sukar dikesan (lihat atas - pendapat Vershueren), sementara ujaran implikatur lebih menarik dan mencabar. Implikatur ialah ujaran yang mempunyai maksud yang tersirat. Ujaran implikatur menuntut usaha memproses yang tinggi dan dianggap sebagai bertentangan dengan teori relevans. Namun begitu, kekayaan kesan konteksnya dan konteks persekitaran yang menjadi taruhan menjadikan ujaran itu tetap relevan. Buktinya ujaran implikatur sering kali berjaya ditafsirkan dengan berkesan. Ujaran implikatur membuktikan bahawa tabiat manusia yang mampu mentafsir apa-apa sahaja makna yang cuba disampaikan jika cukup konteks dan kesan konteksnya. Sejauh manakah kita boleh berimplikatur? Sperber dan Wilson (1995) menegaskan:

The weaker the implicature – that is, the wider range of roughly equivalent alternative assumptions and conclusions that would have satisfied the hearer that the speaker had observed the principle of relevance – the weaker the speaker’s responsibility for its truth, up to the point where the implicature disappears altogether and the responsibility for the assumptions used and the conclusions drawn from them lies solely on the side of the hearer.

Kekuatan sesuatu implikatur bergantung pada sebanyak mana maklumat implisit yang cuba disampaikan mampu disingkap oleh pendengar atau pembaca. Tidak kira sama ada mesej yang disampaikan itu secara eksplisit mahupun implisit, konteks yang melatarinya harus diambil kira dan penutur mesti memastikan yang dia telah membekalkan maklumat yang jelas untuk ditafsirkan seterusnya oleh pendengar. Oleh sebab itu teori relevans menegaskan:

If a speaker wishes to constrain the interpretation recovered by a hearer, he must constrain the hearer’s choice of context. And since the constructions we are considering ensure correct context selection at minimal processing cost, they can be regarded as effective means for constraining the interpretation of utterances in accordance with the principle of relevance” (Blackmore, 1992).

Daripada perbincangan tersebut, teori relevans mampu membantu kita mencungkil makna yang tersurat dan tersirat. Teori relevans menjadikan penginterpretasian prosiding mahkamah menjadi lebih menarik.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian teks yang diperoleh daripada data sekunder. Data sekunder tersebut dipetik daripada dialog prosiding perbicaraan kes mahkamah yang dilaporkan menerusi akhbar Harian Metro yang diperoleh secara maya dengan memuat turun laporan akhbar menerusi arkib berita Malaysia di laman sesawang <http://www.nib.com.my>.

Prosiding perbicaraan mahkamah merujuk rakaman maklumat yang lazimnya dalam bentuk bercetak tentang perbicaraan sesuatu kes. Dalam kajian ini, perbicaraan kes yang dimaksudkan ialah perbicaraan kes pembunuhan Noritta Samsudin. Dialog perbicaraan yang sudah dimuat turun tersebut dibaca secara manual bagi pengenalpastian ujaran yang menunjukkan keraguan dalam kes ini. Ujaran yang sudah dikenal pasti dijadikan data dalam kajian ini. Sesudah itu, data tersebut dianalisis menggunakan Teori Relevans.

ANALISIS DATA

Berdasarkan penemuan sewaktu pengenalpastian data, dialog yang menimbulkan kecanggungan dalam kes tersebut dapat dicerakinkan mengikut keterangan saksi yang menghala ke arah kemenangan kes. Berdasarkan dialog, kesemua ujaran akan diberikan andaian implikatur dan dirumuskan dengan kesimpulan implikatur.

Keterangan Saksi Keliru

Yang berikut merupakan dialog antara peguam bela, Sithambaram dengan saksi kes tersebut, iaitu Thanabalan, pengawal keselamatan yang bertugas di kediaman Noritta dan juga tempat mangsa ditemui mati dibunuh.

Dialog 1

- SITHAMBARAM: Ini bermakna kamu menipu semasa kamu membuat pengakuan yang kamu tidak kenal dia?
- THANABALAN: Ya.
- SITHAMBARAM: Adakah kamu berbohong di dalam mahkamah hari ini
- THANABALAN: Tidak, saya hanya memberitahu perkara yang ...
- SITHAMBARAM: Jadi semasa kamu memberikan kenyataan kali pertama dan kedua, kamu melindungi tertuduh dengan mengatakan yang kamu tidak nampak tertuduh?
- THANABALAN: **Saya tidak tahu jawapan patut diberi.**

Berdasarkan petikan perbicaraan kes yang dipaparkan dalam Dialog 1 tersebut, Thanabalan menyatakan yang beliau tidak pasti untuk memberikan jawapan. Perkara tersebut menunjukkan ketidakrelevanan dalam perbicaraan kes mahkamah. Hal ini demikian kerana, konsep soalan dalam perbicaraan mahkamah memerlukan saksi menjawab soalan jenis tertutup, iaitu memberi jawapan “Ya” atau “Tidak”. Perkara ini disebabkan bahawa mahkamah mementingkan kos memproses yang rendah bagi memperoleh ujaran yang lebih relevan.

Jawapan Thanabalan, “saya tidak tahu jawapan patut diberi” menunjukkan bahawa ujaran tersebut memerlukan kos proses yang tinggi dan melanggar prinsip kerelevanan ujaran. Andaian yang dapat dibuat berdasarkan ujaran tersebut adalah seperti yang berikut:

Andaian Implikatur:

Thanabalan keliru untuk memberikan jawapan sama ada dia ternampak tertuduh atau tidak.

Kesimpulan Implikatur:

Thanabalan bimbang dirinya disabitkan kesalahan.

Pernyataan yang diujarkan oleh Thanabalan jelas menunjukkan bahawa dia bimbang akan disabitkan kesalahan kerana bersubahat melindungi tertuduh jika memberikan jawapan yang sebenar. Berdasarkan analisis TR, pernyataan “saya tidak pasti jawapan patut diberi” mengandungi kesan konteks yang rendah dan kos memproses yang tinggi. Oleh sebab itu, ujaran tersebut dianggap tidak relevan dalam perbincaraan kes tersebut.

Kecanggungan pada jawapan yang dikemukakan oleh Thanabalan jelas menunjukkan keraguan dalam kes. Selain itu, Thanabalan juga memberikan maklumat yang bercanggah kerana pernyataan pertama dan kedua Thanabalan sebelum itu mengatakan yang beliau tidak nampak tertuduh dan apabila disoal kali ketiga, barulah beliau menyatakan ternampak tertuduh pada hari kejadian. Tambahan pula, terdapat keterangan seorang lagi pengawal keselamatan yang juga saksi kepada kes ini menyatakan bahawa dia ternampak kelibat tertuduh pada hari kejadian. Oleh itu, maklumat baharu yang dikemukakan oleh pengawal kedua tersebut menyokong kenyataan kali ke-3 Thanabalan.

Keterangan Kehadiran Bau Busuk

Yang berikut merupakan dialog antara peguam bela, Sithambaram dengan saksi seterusnya dalam kes ini, iaitu Nor Azora, teman serumah dan saksi pertama yang menemui mayat mangsa.

Dialog 2

SITHAMBARAN: Semasa kamu jumpa Hanif adakah dia berbau busuk?

NOR AZORA: **Tidak, dia tidak berbau busuk.**

SITHAMBARAM: Boleh saya katakan, bau busuk yang kamu hidu itu adalah kali pertama kamu hidu?

NOR AZORA: Ya.

Berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh Nor Azora tentang kehadiran bau busuk tersebut merupakan kali pertama dihidu kerana sebelum ini, persekitaran kognitif Nor Azora tidak pernah menghidu bau busuk tersebut apabila bertemu dengan Hanif. Oleh itu, jawapan yang diberikan oleh Nor Azora jelas menunjukkan bahawa beliau pasti

yang kehadiran bau busuk bukan datang daripada Hanif. Pernyataan “tidak, dia tidak berbau busuk” menunjukkan bahawa Nor Azora sangat pasti tentang maklumat yang disampaikan. Andaian yang dapat dibuat berdasarkan ujaran tersebut adalah seperti yang berikut.

Andaian Implikatur:

Nor Azora pasti tentang bau busuk tersebut bukan datang daripada bau badan Hanif.

Kesimpulan Implikatur:

Hanif bukan lelaki yang melarikan diri yang Nor Azora nampak sewaktu menemui mayat mangsa.

Pernyataan Nor Azora tersebut jelas menunjukkan bahawa kehadiran bau busuk itu bukan merujuk Hanif kerana Nor Azura sangat mengenali Hanif dan mempunyai persekitaran kognitif tentang Hanif. Oleh itu, Nor Azora berpendapat bahawa terdapat kehadiran lelaki yang tidak dikenali sewaktu beliau menemui mayat mangsa kerana bau busuk itu kali pertama dihidunya dan beliau tiada konteks dengan bau busuk tersebut.

Menurut analisis TR terhadap ujaran yang dikemukakan oleh Nor Azora, iaitu “tidak, dia tidak berbau busuk” menunjukkan ujaran tersebut sangat relevan. Ujaran tersebut relevan kerana Nor Azora mempunyai konteks tentang Hanif, maka kesan konteks tentang Hanif sangat tinggi. Selain itu, ujaran yang dikemukakan oleh Nor Azora tidak memerlukan kos memproses yang tinggi kerana Nor Azora menjawab dengan pasti soalan peguam bela dan disokong dengan ujaran “tidak” sebanyak dua kali. Oleh sebab kesan konteksnya tinggi dan ditambah dengan kos memproses yang rendah, maka ujaran Nor Azora dianggap relevan dalam perbicaraan kes ini.

Keterangan Kehadiran *Unknown Male 1*

Yang berikut merupakan dialog antara timbalan pendakwa raya, Stanley Augustin dengan saksi seterusnya dalam kes ini, iaitu Lim Kong Boon, Ketua Unit Jenayah DNA di Jabatan Kimia yang bertindak sebagai pakar yang memeriksa sampel spesimen dalam kes pembunuhan Noritta.

Dialog 3

AUGUSTIN: Sila beritahu mahkamah apakah penemuan profil DNA pada bantal peluk?

LIM: Profil DNA daripada sel sperma boleh mengenal pasti kesan air mani yang tidak sepadan dengan spesimen darah milik G (Lim SeaKean Child), K (Hanif), P (Shahfrul Azrin Azman), U (Kenneth Michael Yap Teik Huat), AA (Khairul Anwar Kamaruddin), BB (Suhaimi Sanusi), CC (Mikko Kauko Johannes Jarva), DD (Ramli Dahalan) atau daripada coletan bahagian dalam pipi milik MM1(Mariadass), NN3 (A Ramakrishnan), MM5 (V Maniam), MM7 (K Thanabalan) dan MM9 (Suzaki Sapok). Ini menunjukkan DNA yang dikenal pasti adalah daripada sumber lain atau individu lain yang tidak termasuk dalam senarai analisis. **Saya tandakan sumber yang tidak sepadan ini sebagai “unknown male 1” (lelaki tidak dikenal pasti 1).**

AUGUSTIN: Bagaimanakah pula dengan profil DNA yang ditemui pada coli berwarna hitam?

LIM: Profil DNA daripada sel sperma boleh mengenal pasti kesan air mani **seorang lelaki yang sepadan dengan profil DNA “unknown male 1”.**

Berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh Lim, “Saya tandakan sumber yang tidak sepadan ini sebagai *unknown male 1* kerana tiada rekod profil DNA yang sepadan dengan profil DNA yang ditemui”. Perkara ini berdasarkan keterangan Lim sebelum itu, maklumat DNA tertuduh, saksi dan pegawai penyiasat yang terlibat dengan kes ini telah dikenal pasti terlebih dahulu. Namun begitu, terdapat satu profil DNA yang tidak padan dengan mana-mana maklumat DNA yang disimpan. Andaian yang dapat dibuat berdasarkan ujaran tersebut adalah seperti yang berikut.

Andaian Implikatur:

Tiada dalam rekod maklumat DNA tentang lelaki tidak dikenali tersebut kerana lelaki tersebut bukan terdiri daripada tertuduh, saksi dan pegawai penyiasat dalam kes ini.

Kesimpulan Implikatur:

Profil DNA lelaki *unknown male 1* tersebut merujuk orang yang mengikat mangsa.

Pernyataan Lim tersebut menunjukkan bahawa terdapat kehadiran lelaki yang tidak dikenali di tempat kejadian dan perkara ini menyokong keterangan Nor Azora sebelum ini bahawa terdapat seorang lelaki yang badannya berbau busuk telah melarikan diri. Selain itu, kenyataan Lim tersebut menunjukkan bahawa lelaki yang tidak dikenali itu merupakan suspek yang mengikat mangsa kerana kehadiran profil DNA yang sepadan pada coli mangsa yang juga merupakan alat digunakan oleh pembunuh untuk mengikat tangan si mangsa. Tambahan lagi profil DNA *unknown male 1* tersebut turut ditemui dalam sampel 17 helai rambut yang ditemui, sampel yang terdapat pada wayar elektrik dan kehadiran profil DNA tersebut konsisten dalam sampel lain yang digunakan oleh pembunuh untuk mengikat mangsa.

Menurut analisis TR, ujaran yang dikemukakan oleh Lim tersebut dianggap relevan kerana kesan konteks yang tinggi berdasarkan maklumat tambahan dan konsisten terhadap profil DNA yang ditemui menunjukkan penguatan dalam konteks. Walaupun kos proses maklumat tinggi kerana ujaran yang dikemukakan oleh Lim itu menunjukkan ketidaktepatan rujukan, tetapi ujaran tersebut dianggap relevan kerana ditangani dengan kesan konteks yang tinggi dan penguatan maklumat tambahan yang lain.

Keterangan Sokongan daripada Pakar

Yang berikut merupakan dialog antara peguam bela, Sithambaram dengan saksi seterusnya dalam kes ini, iaitu Dr. Abdul Halim, Pengarah Institut Perubatan Forensik Negara yang bertindak sebagai pakar dirujuk berkenaan situasi pembunuhan Noritta disebabkan oleh *sexual asphyxial* (kelemasan seksual).

Dialog 4

SITHAMBARAN: Setujukah jika saya katakan yang Noritta mati kerana *sexual asphyxial*? (S1)

DR ABDUL HALIM: Tidak setuju.

JURNAL BAHASA

SITHAMBARAN: Adakah doktor memeriksa kandungan di dalam perut bagi memastikan masa kematian mangsa?

DR ABDUL HALIM: Ya. Saya ada memeriksa perut mangsa dan perutnya berada dalam keadaan normal tetapi saya tidak menggunakan kaedah itu untuk mengetahui masa kematian mangsa.

SITHAMBARAN: Setuju saya katakan, selepas melakukan pemeriksaan terhadap Noritta, **dia disahkan meninggal dunia kerana asphyxial berdasarkan simptom atau tanda yang ada? (S2)**

DR ABDUL HALIM: Ya.

SITHAMBARAN: Dalam kes ini, **kita tidak boleh mengatakan sebab kematian adalah kerana dicekik, mulut disumbat sesuatu atau tercekik cuma boleh dikatakan asphyxial? (S3)**

DR ABDUL HALIM: Ya.

Berdasarkan petikan Dialog 4 tersebut, saksi pada mulanya tidak bersetuju bahawa mangsa mati kerana kelemahan seksual. Namun begitu, peguam bela bijak memanipulasi keadaan dan mengemukakan soalan dalam bentuk yang lain tetapi makna yang sama. Bagi memastikan jawapan kedua saksi tersebut disokong, peguam bela bertanyakan sekali lagi dalam bentuk yang lain tetapi makna ujaran yang sama. Andaian yang dapat dibuat berdasarkan soalan peguam bela tersebut adalah seperti yang berikut.

Andaian Implikatur:

Peguam bela memanipulasi soalan dengan mengemukakan dalam bentuk yang lain tetapi maknanya sama seperti soalan yang pertama.

Kesimpulan Implikatur:

Memohon kepastian bahawa mangsa mati kerana kelemahan seksual.

Persoalan yang dikemukakan oleh peguam bela jelas menunjukkan makna yang sama, iaitu memohon kepastian bahawa mangsa mati kerana kelemahan seksual. Walaupun pada awalnya, saksi tidak bersetuju dengan

soalan pertama (S1) yang dikemukakan oleh peguam bela, namun apabila peguam bela memanipulasi bentuk soalan dengan mengemukakan soalan kedua (S2), saksi bersetuju bahawa mangsa mati kerana kelemahan seksual. Bagi memastikan hujah peguam bela tersebut relevan, peguam bela tersebut mengemukakan soalan yang ketiga (S3) yang maknanya sama dan dipersetujui oleh saksi.

Berdasarkan analisis TR, S1 yang dikemukakan oleh peguam bela memerlukan kos proses yang rendah kerana soalnya selapis, maka mudah bagi saksi menjawab “Tidak setuju”. Namun begitu, peguam bela bijak memanipulasi keadaan dengan mengemukakan S2 dan S3 yang memerlukan kos proses yang tinggi dan saksi perlu menjawab dengan jawapan yang tertutup sama ada “Ya” atau “Tidak”. Dalam hal ini menunjukkan bahawa jawapan yang dikemukakan oleh saksi relevan kerana konsisten apabila beliau menjawab “Ya” sebanyak dua kali berdasarkan soalan yang mengandungi makna yang sama. Kebolehan peguam bela memanipulasi soalan menimbulkan keraguan dalam kes dengan menyatakan bahawa sebenarnya mangsa mati kerana kelemahan seks dan bukan kerana dibunuh.

Keterangan Keraguan Hanif Orang Terakhir

Yang berikut merupakan dialog antara peguam bela, Sithambaram dengan saksi seterusnya dalam kes ini, iaitu Lim Kong Boon, Ketua Unit Jenayah DNA di Jabatan Kimia yang bertindak sebagai pakar yang memeriksa sampel spesimen dalam kes pembunuhan Noritta.

Dialog 5

SITHAMBARAN: Adakah kamu tahu jarak masa persetubuhan antara Hanif dengan lelaki yang tidak dikenali itu?

LIM: Tidak Yang Arif.

SITHAMBARAN: Adakah kamu setuju kamu bukan orang yang sesuai untuk mengatakan Hanif orang terakhir yang mengadakan hubungan seks dengan Noritta?

LIM: Keputusan yang dibuat berdasarkan tafsiran dan tidak ada kepentingan terhadap perbezaan antara jumlah sperma yang masuk ke dalam kemaluan

atau jumlah spermatozoa yang terkandung dalam sperma yang diejakulasi. Itu yang menyebabkan saya menggunakan ayat “**pada kebiasaannya ia menunjukkan**”.

SITHAMBARAM: Kamu tidak tahu secara pasti, Hanif orang terakhir itu?

LIM: **Saya tidak boleh katakan yang saya 100 peratus pasti Haniflah orang terakhir itu?**

Berdasarkan petikan Dialog 5 tersebut, jelas menunjukkan bahawa saksi tidak dapat menyatakan kepastian sama ada Hanif merupakan orang terakhir yang bersama-sama mangsa kerana penilaian yang dibuat oleh Lim berdasarkan bilangan spermatozoa yang terkandung dalam semen yang ditemui pada tubuh mangsa. Ujaran Lim, iaitu justifikasinya bergantung pada ayat “pada kebiasaannya ia menunjukkan”. Andaian yang dapat dibuat berdasarkan ujaran tersebut adalah seperti yang berikut.

Andaian Implikatur:

Lazimnya, orang terakhir yang bersama-sama mangsa akan menunjukkan jumlah spermatozoa yang lebih banyak dan boleh jadi juga sebaliknya.

Kesimpulan Implikatur:

Lim tidak dapat memastikan secara total bahawa Hanif merupakan orang yang terakhir bersama-sama mangsa.

Pernyataan yang dikemukakan oleh Lim jelas menunjukkan bahawa beliau sendiri tidak dapat memastikan bahawa Hanif merupakan orang terakhir yang bersama-sama dengan mangsa. Oleh sebab itu, ujaran yang dikemukakan oleh Lim dianggap tidak relevan dalam perbicaraan kes ini. Berdasarkan analisis TR, kos memproses maklumat tersebut tinggi dan kesan konteks rendah, maka ujaran yang dikemukakan oleh Lim tersebut dianggap kurang relevan. Oleh yang demikian, keterangan Lim tersebut menampakkan kelompangan dalam kes yang dibicarakan.

RUMUSAN KAJIAN

Berdasarkan soal jawab di atas, ternyata saksi pengadilan gagal memberikan jawapan yang meyakinkan. Akhirnya, tertuduh berjaya dibebaskan daripada disabitkan kesalahan berdasarkan isu pembuktian seperti yang berikut:

1. Percanggahan keterangan oleh dua orang pengawal keselamatan yang bertugas di kondominium pada malam tersebut sama ada telah melihat tertuduh bersama-sama dengan mangsa beberapa jam sebelum kematian.
2. Keterangan saksi tentang kewujudan seorang lelaki yang mempunyai bau badan yang busuk di dalam bilik tersebut pada malam kejadian.
3. Keterangan pakar tentang kewujudan seorang lelaki tidak dikenali yang dirujuk sebagai “Lelaki Tak Dikenali 1” menerusi penemuan profil DNA.
4. Keterangan pakar bahawa mangsa mati kerana kelemahan seksual dan bukan kerana dibunuh.
5. Keterangan saksi yang dapat dirumuskan secara pasti bahawa tertuduh orang yang terakhir yang mengadakan hubungan seks dengan mangsa, dan oleh itu adalah orangnya yang menyebabkan kematian mangsa tidak dapat dipastikan saksi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis kajian membuktikan bahawa pendekatan semantik dan pragmatik menerusi penerapan Teori Relevans dapat merungkaikan keraguan yang timbul dalam perbicaraan kes pembunuhan Noritta. Berdasarkan penganalisan data, dapatan menunjukkan bahawa percanggahan dan kecanggungan maklumat yang dikemukakan oleh saksi memberikan peluang kepada peguam bela memanipulasi keadaan sehingga menimbulkan keraguan kes. Secara tidak langsung, kajian ini memberikan dimensi baharu dalam bidang linguistik kerana menggunakan data mahkamah sebagai bahan kajian yang sebelum ini jarang-jarang diberikan perhatian oleh para pengkaji semantik sebelum ini.

RUJUKAN

- Anon. 2004. “Kes jadi perhatian” dlm. *Harian Metro*, 2 Julai: 12. Dipetik daripada <http://www.nib.com.my> [26 Ogos, 2010]
- Arkib berita *Harian Metro*. Dipetik daripada <http://www.nib.com.my> pada 26 Ogos, 2010.
- Blakemore, D. 1992. *Understanding Utterances*. Oxford: Blakewell
- Nor Hashimah Jalaluddin, “Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevans” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 35:6, 474- 83, 1991.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, “Bahasa, Sosialisasi dan Kognitif: Satu Pendekatan Teori Relevans” *Jurnal Dewan Bahasa* 42:12, 1084-093, 1998.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. & D. Wilson. 1995. *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Blakewell
- Verschueren, J. 1999. *Understanding Pragmatics*, London, Arnold.